MUTIARA-MUTIARA AL-QURAN

oleh
Imam al-Ghazali

Penterjemah:
Mohd Nur Azuan Mohd Nasir
Muhamad Mu'izz Abdullah
Lasafarudi Lahadi

Editor:
Abdul Rauf Baharuddin

Melaka
Rabbani Books & Media
2021

ISI KANDUNGAN

FASAL YANG MENYATAKAN ISI KANDUNGAN KITAB INI YANG KAMI NAMAKANNYA SEBAGAI MUTIARA-MUTIARA AL-QURAN

Ketahuilah, mudah-mudahan kamu diberi petunjuk oleh Allah, bahawa sesungguhnya kami telah menyusun kitab ini kepada tiga bahagian:

1. Bahagian pendahuluan dan prakata.
2. Bahagian segala maksud dan tujuan
3. Bahagian lanjutan dan lampiran.

BAHAGIAN PERTAMA: PENDAHULUAN DAN PRAKATA

Bahagian ini mengandungi sembilan belas fasal

Fasal pertama: menyatakan bahawa al-Quran itu adalah umpama lautan yang luas dan meliputi, dan terkandung dalamnya segala jenis mutiara dan khazanah yang amat bernilai.

Fasal kedua: mengumpulkan segala tujuan dan nilainya yang merujuk kepada enam perkara; tiga perkara daripadanya adalah perkara-perkara usul yang penting, dan tiga bahagian

yang seterusnya adalah perkara-perkara cabang yang menjadi penyempurna.

Fasal ketiga: menghuraikan setiap satu dari bahagian-bahagian yang enam ini. Bahagian yang enam ini berpecah pula menjadi sepuluh.

Fasal keempat: menjelaskan bagaimana terpecahnya seluruh cabang ilmu daripada sepuluh bahagian tersebut. Dan bahawasanya ilmu-ilmu al-Quran itu terbahagi kepada ilmu yang seumpama cengkerang yang bersifat luaran, dan ilmu yang seumpama mutiara yang bersifat khazanah yang bernilai di sebalik cengkerang itu. Juga penjelasan mengenai kedudukan ilmu-ilmu (*maratib al-'ulum*).

Fasal kelima: menyatakan bagaimana tercabangnya ilmu golongan terdahulu dan golongan terkemudian.

Fasal keenam: menerangkan makna bahawa al-Quran itu mengandungi belerang merah (*al-kibrit al-ahmar*), penawar yang teragung (*al-tiryaq al-akbar*), wangian kasturi yang terharum (*al-misk al-azfar*), serta segala permata dan khazanah yang bernilai. Dan segala isi kandungan ini tidak akan diketahui melainkan oleh orang-orang yang mengetahui cara untuk memperimbangkan di antara alam nyata (*al-shahadah*) dengan alam ghaib (malakut).

Fasal ketujuh: menyatakan mengapa makna-makna alam malakut dalam al-Quran diibaratkan dengan contoh-contoh yang diambil dari alam nyata.

Fasal kelapan: menyatakan apa yang boleh difahami tentang aspek pertalian di antara alam malakut dengan alam nyata.

Fasal kesembilan: merungkai perlambangan dan isyarat yang dimaknakan dengan kalimah belerang merah (*al-kibrit al-ahmar*), penawar racun yang teragung (*al-tiryaq al-akbar*), wangian kasturi yang terharum (*al-misk al-azfar*), gaharu (*al-'ud*), permata-permata yakut, dan sebagainya.

Fasal kesepuluh: menjelaskan segala faedah berkait segala pelambangan ini.

Fasal kesebelas: menerangkan kelebihan sebahagian ayat al-Quran ke atas sebahagian ayat yang lain, meskipun semuanya adalah kalam Allah ﷻ.

Fasal kedua belas: mengupas rahsia Surah al-Fatihah dan kandungan surah ini yang merangkumi lapan daripada sepuluh jenis khazanah bernilai yang terdapat dalam al-Quran, serta menyebut sedikit cebisan terhadap makna al-Rahman al-Rahim yang berhubung dengan penciptaan segala hidupan.

Fasal ketiga belas: menyatakan bahawa pintu-pintu syurga yang lapan itu terbuka dengan al-Fatihah dan bahawa sesungguhnya al-Fatihah itu kunci bagi kesemua pintu itu.

Fasal keempat belas: menyatakan tentang ayat Kursi, serta menjelaskan sebab ia adalah penghulu segala ayat dan lebih mulia daripada ayat 18 Surah Ali Imran, al-Ikhlas, awal al-Hadid, akhir al-Hasyr dan ayat-ayat yang lain.

Fasal kelima belas: menyatakan tentang mengapa Surah al-Ikhlas itu menyamai sepertiga al-Quran

Fasal keenam belas: menyatakan mengapa Surah Yasin itu adalah hati kepada al-Quran.

Fasal ketujuh belas: menyatakan bahawa mengapa Rasulullah ﷺ mengkhususkan al-Fatihah sebagai sebaik-baik al-Quran, manakala ayat Kursi sebagai penghulu segala ayat.

Fasal kelapan belas: menyatakan hal para arifin (orang yang mencapai darjat mengenal Allah atau makrifatullah). Bahawa keberadaan mereka di dunia adalah umpama di dalam syurga yang luasnya menjangkau lebih dari langit dan bumi. Dan sesungguhnya syurga yang sedang didiami ini, buah-buahannya amat dekat untuk dipetik, tidak putus-putus dan tidak pula terlarang untuk mendapatkannya.

Fasal kesembilan belas: mendedahkan rahsia di sebalik sebab yang mendorong penyusunan permata-permata al-Quran dalam satu bahagian, dan mutiara-mutiaranya pula dalam bahagian yang lain.

Maka inilah kesemua sembilan belas fasal.

BAHAGIAN KEDUA: MAQASID DAN TUJUAN

Bahagian ini meliputi intisari ayat-ayat al-Quran yang terdiri daripada dua kategori:

Kategori pertama: mengenai permata-permata al-Quran, yang menjelaskan tentang zat Allah ﷻ, sifat-sifat, dan segala perbuatan-Nya secara khusus. Ini adalah bahagian yang bersifat ilmiah.

Kategori kedua: mengenai mutiara-mutiara al-Quran, iaitu ayat-ayat yang membincangkan tentang jalan (hidup) yang lurus, dan galakan ke arah jalan hidup tersebut. Bahagian ini adalah bahagian yang bersifat amali atau praktikal.

Fasal penutup: yang menjelaskan tentang sebab-sebab dibahagikan ayat-ayat al-Quran kepada dua kategori ini.

BAHAGIAN KETIGA: LANJUTAN DAN LAMPIRAN

Maksud dari lampiran ini adalah mencakupkan beberapa maqasid dan tujuan yang terhasil daripada ayat-ayat al-Quran ini, yang berkisar di sekitar sejumlah ayat-ayat yang tertentu. Dan ia adalah satu kitab yang terpisah dari kitab ini bagi sesiapa yang ingin untuk mencatatnya secara berasingan. Kami telah namakannya dengan "Kitab Empat Puluh Perkara bagi Usul Agama" (*Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*). Kitab ini terbahagi kepada sejumlah ilmu yang hasilnya kembali kepada sepuluh usul dan sejumlah amal perbuatan. Amal ini pula terbahagi kepada amal-amal yang zahir dan amal-amal yang batin.

Adapun amal yang zahir itu kembali merujuk kepada sepuluh usul juga. Amal batin pula terbahagi kepada perkara yang wajib untuk disucikan hati daripadanya dari segala sifat-sifat yang tercela. Dan segala sifat akhlak yang tercela itu juga merujuk kepada sepuluh usul. Amal yang batin ini juga terbahagi kepada perkara yang wajib untuk diisi hati

dengannya dari segala sifat dan akhlak yang terpuji. Dan sesungguhnya perkara-perkara yang terpuji itu juga kembali kepada sepuluh usul.

Maka bahagian lampiran ini terbahagi kepada empat bahagian:

1) Pengetahuan dan pengenalan (makrifah)
2) Amal-amal yang zahir
3) Akhlak yang tercela
4) Akhlak yang terpuji

Bahagian pertama: makrifah atau pengenalan (terhadap Allah ﷻ.) Ia terbahagi pula kepada sepuluh perkara dasar:

1) Zat Allah ﷻ
2) Penyucian terhadap zat-Nya
3) Sifat qudrah (Berkuasa)
4) Sifat ilmu (Mengetahui)
5) Sifat iradah (Berkehendak)
6) Sifat *sama'* (Mendengar) dan Basar (Melihat)
7) Sifat kalam (Berkata)
8) Perbuatan Allah ﷻ
9) Hari akhirat
10) Kenabian

Penutup: Pengenalan terhadap beberapa kitab yang menerangkan tentang hakikat perkara-perkara dasar ini.

Bahagian kedua: Pada menyatakan amal-amal yang zahir. Padanya juga terdapat sepuluh perkara dasar:

1) Solat
2) Zakat
3) Puasa
4) Haji
5) Bacaan Al-Quran
6) Zikir-zikir
7) Menuntut perkara yang halal

8) Akhlak yang baik

9) Menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran

10) Meneladani sunnah

Penutup: zikir dan wirid yang berkaitan dengan kesemua dasar-dasar ini.

Bahagian ketiga: Dasar-dasar berkaitan akhlak yang tercela, yang wajib disucikan jiwa daripadanya. Ia terdiri daripada sepuluh perkara dasar:

1) Banyak makan
2) Banyak berkata-kata
3) Sifat marah
4) Sifat hasad
5) Cintakan harta
6) Cintakan kemegahan
7) Cintakan dunia
8) Takabur
9) Ujub
10) Riyak

Penutup: Perihal beberapa kelompok sifat dan akhlak yang berkaitan dengan sepuluh dasar di atas dan keadaan-keadaannya yang menipu daya.

Bahagian keempat: dasar-dasar akhlak yang terpuji, yang terdiri juga dari sepuluh dasar:

1) Taubat
2) *Khauf* (takut) dan *raja'* (pengharapan)
3) Zuhud
4) Sabar
5) Syukur
6) Ikhlas dan sidiq (jujur)
7) Tawakkal
8) Mahabbah
9) Reda terhadap segala ketentuan

10) Maut dan hakikatnya, dan jenis-jenis hukuman balas yang bersifat ruhani serta penerangan tentang perihal neraka yang marak menyala, yang membakar hingga ke hati.

Penutup: perihal tafakkur dan muhasabah yang berputar disekitar kesuluruhan dasar di atas.

***

Kemudian daripada itu, saya mulakan dan saya katakan:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

FASAL PERTAMA:

MENERANGKAN BAHAWA AL-QURAN ITU UMPAMA LAUTAN SAMUDERA YANG LUAS MELIPUTI, YANG TERISI DI DALAMNYA SEGALA MUTIARA DAN KHAZANAH YANG BENILAI

Adapun selepas pujian kepada Allah ﷻ yang merupakan pembuka kepada segala lembaran, dan juga selepas selawat ke atas Rasul-Nya yang merupakan penutup kepada segala pembicaraan, maka sesungguhnya saya menyedarkan anda daripada kelenaan, wahai orang yang sekadar melepaskan bacaan al-Quran, yang menjadikan pengajian al-Quran sebagai pekerjaan, yang mengutip makna-maknanya sekadar yang zahir dan umum;

Sampai bilakah anda hanya bersiar di sekitar pesisir lautan (al-Quran) tanpa mengendahkan segala yang menakjubkan?

Tidakkah anda terfikir untuk berlayar di permukaannya bagi menatap segala keajaiban? Meneroka hingga ke pulau-pulau bagi mengutip segala yang terbaik? Menyelami ke dasarnya agar anda menjadi kaya dengan memperoleh mutiara-mutiara?

Tidakkah anda mencela diri sendiri dek terhalang daripada segala mutiara dan permata akibat daripada keasyikan anda yang sekadar melihat pesisir dan pemandangan zahirnya sahaja?

Tidak sampaikah berita kepada anda bahawa al-Quran itu adalah sebuah lautan samudera yang luas? Daripadanyalah tercabang segala ilmu umat terdahulu dan terkemudian, sebagaimana tercabangnya sumur dan sungai dari pesisir dan muara pantainya? Tidakkah anda iri terhadap kaum-kaum yang telah menongkah gelombang badai dan ombaknya, lalu menemui belerang merah (*al-kibrit al-ahmar*)[1]? Yang telah menyelami ke dasarnya yang terdalam lalu mengeluarkan daripadanya delima merah (*al-yaqut al-ahmar*), mutiara berbunga (*al-durr al-azhar*) dan zabarjad hijau (*al-zabarjad al-akhdar*)? Yang telah meneroka pesisir-pesisir pantainya lalu menemui batuan ambar yang putih bercahaya, serta gaharu yang basah dan segar? Yang telah sampai ke pulau-pulaunya lalu menjumpai segala penawar yang teragung (*al-tiryaq al-akbar*) dan wangian kesturi yang terharum (*al-misk al-adhfar*)?

Oleh itu, di sini saya akan memimpin dan menunjukkan kepada anda -sebagai menunaikan hak persaudaraan terhadap anda- perihal bagaimanakah mereka meneroka, menyelami dan merentasi lautan itu.

---

[1] Belerang merah (*al-kibrit al-ahmar*) adalah suatu bahan (dalam kisah-kisah rakyat) yang boleh mengubah batu menjadi permata, logam menjadi emas murni dan sebagainya. Dikatakan ia terdapat di lembah tempat pertemuan di antara Nabi Sulaiman ﷺ dengan semut. *Wallahu a'lam* (-Editor).

FASAL KEDUA:

PADA MENGHITUNG MAQASID AL-QURAN BESERTA KHAZANAHNYA YANG AMAT BERNILAI

Segala rahsia al-Quran, intisarinya yang suci murni, dan tujuannya yang tertinggi ialah menyeru sekalian hamba kepada Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Tinggi, yang berkuasa di hari akhirat dan dunia, Pencipta petala langit dan bumi, serta segala yang wujud di antara kedua-duanya, juga yang terkandung di dalamnya. Maka kerana itu, terkumpulnya surah-surah dan ayat-ayat al-Quran itu dalam enam kumpulan.

Tiga daripadanya adalah perkara-perkara yang utama dan asas-asas yang penting, dan tiga yang berbaki adalah perkara-perkara tambahan dan sorotan yang memperkaya lagi menyempurnakannya.

Adapun tiga perkara yang penting itu ialah:

1) Pengenalan terhadap zat yang diseru para hamba itu ke hadrat-Nya

2) Pengenalan terhadap jalan hidup yang lurus, yang wajib ke atas hamba menjalaninya dengan teguh dalam perjalanan menuju kepada-Nya.

3) Pengenalan terhadap perihal dan keadaan ketika telah sampai kepada-Nya.

FASAL KESEMBILAN:

PERINGATAN TENTANG SIMBOL-SIMBOL DAN ISYARAT-ISYARAT YANG TERKANDUNG DALAM AL-QURAN

Mungkin anda ingin melihat simbol-simbol dan isyarat-isyarat yang menyimpan permata-permata yang terkandung dalam al-Quran seperti yang telah kami sebutkan. Ketahuilah bahawasanya belerang merah (*al-kibrit al-ahmar*) di sisi makhluk di alam nyata (*al-shahadah*) adalah suatu bahan kimia yang digunakan untuk mengubah zat sesuatu benda daripada sifat hina kepada sesuatu yang berharga, sehingga batu berubah menjadi permata, manakala tembaga menjadi emas tulen. Ia merupakan perantaraan bagi mencapai kenikmatan di dunia yang kelam dan sukar pada masa sekarang serta mengakhiri kesukarannya dengan segera.

Oleh itu, tidakkah anda berpandangan bahawa apa yang mengubah zat hati daripada sifat kebinatangan yang keji (*radhalah al-bahimah*) dan kejahilan yang menyesatkan (*dalalah al-jahl*) kepada kesucian dan kerohanian malaikat, untuk meningkatkan hati tersebut dari tingkatan terbawah (*asfal al-safilin*) hingga ke puncak tertinggi (*a'la 'illiyyin*) serta

mencapai kehampiran diri kepada Tuhan semesta alam dan melihat wajah-Nya yang kekal abadi; tidakkah perkara yang mengubah semua ini layak diberi gelaran "belerang merah" (*al-kibrit al-ahmar*)? Oleh sebab itu, kami menobatkannya sebagai "belerang merah".

Oleh itu, renung, muhasabah dan berlaku adillah, nescaya anda akan tahu bahawa gelaran ini tepat dan betul. Kemudian, yang paling berharga yang boleh diperoleh daripada proses kimiawi itu ialah batu-batu permata, dan darjat yang paling tinggi ialah permata merah (*al-yaqut al-ahmar*). Oleh yang demikian, kami menamakannya bagi pengetahuan mengenai zat Allah ﷻ (makrifah *al-zat*).

Adapun "penawar yang teragung" (*al-tiryaq al-akbar*) di sisi manusia adalah penyembuh bagi racun yang membinasakan perut, sedangkan kebinasaan yang terjadi itu hanyalah pada dunia yang fana sahaja. Oleh itu, lihatlah; jika racun bidaah, hawa nafsu dan kesesatan yang berlaku dalam hati menyebabkan kebinasaan yang mencegahnya dari alam kudus, roh dan kerehatan yang kekal selama-lamanya; sedangkan perkara yang diperbahaskan ini dapat mengubati racun itu dan menghindarkan kemudaratannya, maka tidakkah perkara ini lebih tepat dinamakan sebagai "penawar yang teragung"?

Adapun "wangian kasturi yang terharum" (*al-misk al-adhfar*) di alam nyata boleh diibaratkan dengan sesuatu yang menemani manusia. Ia membangkitkan bauan yang menyenangkan dan menonjolkan seseorang. Malah jika dia ingin menyembunyikan wangian tersebut, ia tidak akan tersembunyi, malah akan bertebaran dan berserakan. Maka lihatlah; jika jasa ilmiah boleh menyebabkan pemiliknya terkenal dan nama baiknya tersebar di dunia, meskipun dia mahu menyembunyikannya dan merendah diri, namun perkara tersebut pasti akan menyebabkan dia terkenal. Maka gelaran "kasturi terharum" (*al-misk al-adhfar*) lebih tepat buatnya atau tidak? Anda pasti tahu bahawa ilmu feqah

dan mengetahui hukum-hukum syariat akan mewangikan nama, menyebarkan reputasi, serta menaikkan pangkat dan kedudukan. Padahal, apa yang diperoleh oleh hati daripada nama yang harum, reputasi yang baik, dan kedudukan yang tinggi itu terlebih besar daripada apa yang dicapai oleh bauan wangi daripada kasturi.

Adapun *'ud* di sisi manusia ialah suatu jisim yang tidak dapat diambil manfaat dari materinya, tetapi apabila ia diletakkan ke dalam api hingga terbakar, naiklah asap darinya yang tersebar hingga sampai ke deria bau, lalu besarlah manfaat dan faedahnya dalam mewangikan pemilik dan tempat perhimpunan. Oleh itu, meskipun orang-orang munafik dan musuh-musuh Allah adalah bayangan–bayangan seperti kayu-kayu yang bersandar yang tidak bermanfaat, tetapi apabila hukuman Allah turun dan pengajaran daripada Allah tertimpa ke atas mereka yang berbentuk kilat yang menyambar, banjir, gempa bumi, hinggakan kebakaran dan asap yang timbul daripadanya –apabila dicerap oleh hati, maka besarlah manfaatnya sebagai galakan untuk mendapatkan syurga firdaus yang tertinggi dan dapat bertemu Allah ﷻ serta berpaling daripada kesesatan, kelalaian dan mengikuti hawa nafsu. Oleh itu, gelaran *'ud* lebih layak bagi perkara tersebut atau tidak?

Cukuplah huraian tentang simbol-simbol ini untuk setakat ini. Anda carilah sendiri huraian selanjutnya jika anda berkemampuan dan merupakan salah seorang daripada ahlinya.

Sesungguhnya aku akan memperdengarkan (huraiannya) jika aku menyeru orang yang hidup

tetapi tidak ada kehidupan bagi mereka yang aku seru.

Dalam masa yang sama orang-orang arif itu juga mentertawakan orang ramai kerana sifat mereka yang merasa cukup dengan kemewahan dunia semata-mata. Mereka berkata, "Jika kamu memperolok-olokkan kami, maka kami juga memperolok-olokkan kamu sepertimana kamu memperolokkan kami, dan satu hari nanti pasti kamu akan tersedar."

Orang yang arif itu sibuk untuk mempersiapkan bahtera kejayaan untuk orang lain dan untuk dirinya sendiri kerana dia tahu betapa dahsyatnya hari kiamat. Dia mentertawakan orang yang lalai dengan cara orang yang berakal mentertawakan kanak-kanak yang sibuk dengan permainan dan tongkat raja, yang mana seorang raja yang berkuasa telah tersalah dalam satu negeri, ia ingin melakukan perubahan ke atas negeri itu maka dia telah membunuh sebahagian orang dan memecat sebahagian yang lain.

Sesuatu yang menghairankan pada dirimu wahai orang yang kasihan dan sibuk dengan kemegahan yang bahaya dan mengeruhkan kehidupan, juga dengan hartamu yang sedikit dan masih samar-samar, anda berasa cukup dengan semua itu dan tidak lagi memandang kepada keindahan Allah dan keagungan-Nya sedangkan ia dalam keadaan yang bersinar-sinar dan jelas. Ia sebenarnya sangat zahir tanpa perlu dicari dan sangat jelas tanpa perlu difikirkan. Tidak ada lagi yang akan menghalang hati daripada menyibukkan diri dengan keindahan itu selepas ia disucikan daripada keinginan-keingingan dunia, melainkan sinaran itu sangat terang tetapi anak mata lemah untuk melihatnya. Maha Suci Allah yang tersembunyi dengan cahaya-Nya daripada pandangan makhluk, serta terlindung daripada mereka kerana terlalu zahir.

Sekarang kami akan menyusun permata-permata al-Quran dalam satu kumpulan dan mutiara-mutiaranya dalam satu kumpulan yang lain. Kedua-duanya telah disusun dalam satu ungkapan yang tidak boleh dipotong-potong.

Maka mari kita lihat kebanyakkan daripada makna-maknanya.

Bahagian yang pertama menyentuh sebahagian makna al-Fatihah dalam kategori permata dan bahagian kedua pula menyentuh sebahagian makna lagi daripada mutiara. Dan untuk itu, Allah berfirman dalam sepotong hadis kudsi:

قَسَمْتُ الفَاتِحَةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِيْ.

Terjemahan: *Aku telah membahagikan al-Fatihah di antara Aku dengan hamba-hamba-Ku.*

Kami tegaskan di sini bahawa maksud kumpulan **permata itu adalah petikan cahaya makrifah sahaja**.

Yang dimaksudkan dengan **mutiara pula adalah istiqamah di atas jalan yang benar dengan beramal**.

Maka yang pertama itu bersifat ilmiah dan yang kedua pula bersifat amali. Dan asas bagi iman itu adalah ilmu dan amal.

BAHAGIAN PERTAMA:

PERMATA-PERMATA AL-QURAN

Bahagian ini mengandungi 763 ayat.

- Yang pertama ialah Surah al-Fatihah:

﴿ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾
ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾ ﴾

Terjemahan: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat). Engkaulah sahaja (ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*

(*Surah al-Fatihah* 1: 1-7)

- Daripada Surah al-Baqarah, terdapat 14 ayat iaitu:
Firman Allah ﷻ:

﴿ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا۟
لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٢ ﴾

Terjemahan: *Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).*

(*Surah al-Baqarah* 2: 22)

Firman Allah ﷻ:

﴿ هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ
إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴾

Terjemahan: *Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

(*Surah al-Baqarah* 2: 29)

Firman Allah ﷻ:

﴿ قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ٣٢ ﴾

وَرَبُّكَ ٱلۡأَكۡرَمُ ﴿٣﴾ ٱلَّذِي عَلَّمَ بِٱلۡقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ ٱلۡإِنسَٰنَ مَا لَمۡ يَعۡلَمۡ ﴿٥﴾
كَلَّآ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَيَطۡغَىٰٓ ﴿٦﴾ أَن رَّءَاهُ ٱسۡتَغۡنَىٰٓ ﴿٧﴾ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلرُّجۡعَىٰٓ
﴿٨﴾ ﴾

Terjemahan: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya), Dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihajatinya. (Ingatlah) sesungguhnya kepada Tuhanmu lah tempat kembali (untuk menerima balasan).*

(*Surah al-'Alaq* 96: 1-8)

- Dan daripada Surah al-Ikhlas keseluruhannya
Firman Allah ﷻ:

﴿ قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمۡ يَلِدۡ
وَلَمۡ يُولَدۡ ﴿٣﴾ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ﴿٤﴾ ﴾

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya".*

(*Surah al-Ikhlas* 112: 1-4)

BAHAGIAN KEDUA

MUTIARA-MUTIARA AL-QURAN

Bahagian ini mengandungi 741 ayat.

- Daripada Surah al-Baqarah, terdapat 46 ayat iaitu:

Firman Allah ﷻ:

﴿ الٓمٓ ۝١ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ۝٢ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ
بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ۝٣ وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ
وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ۝٤ أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ
وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ۝٥ ﴾

Terjemahan: *Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan*